

## **BAB 1: LATARBELAKANG SEJARAH DAN MASYARAKAT NEGERI SEMBILAN**

### **PENDAHULUAN**

Negeri Sembilan terletak di wilayah pantai barat Tanah Melayu yang bersempadan dengan negeri Selangor di bahagian barat laut, Pahang di bahagian utara, Melaka di selatan dan Johor di tenggara dan Selat Melaka di bahagian baratnya.<sup>1</sup> Luas wilayah Negeri Sembilan ialah 6,645 km dengan panjang pantainya 43km. Seperti Negeri-Negeri Melayu yang lain, Negeri Sembilan berada dalam kawasan beriklim Khatulistiwa. Ciri utama iklim ini ialah panas dan lembab sepanjang tahun, curahan hujan mencapai sekitar 65 inci setahun.<sup>2</sup>

Pada peringkat awal Negeri Sembilan merupakan gabungan sembilan buah luak<sup>3</sup> atau negeri dan kini dianggotai oleh tujuh buah daerah iaitu Rembau, Tampin, Kuala Pilah, Jelebu, Seremban (dahulunya Sungai Ujong), Port Dickson dan Jempol. Negeri Sembilan lebih dikenali sebagai negeri adat kerana Adat Perpatih<sup>4</sup> yang dibawa oleh imigran Minangkabau. Mereka merupakan kelompok awal yang meneroka tanah di negeri tersebut dan Adat Perpatih telah menjadi pegangan yang kukuh di kalangan masyarakatnya.

---

<sup>1</sup> Ooi Jin Bee, *Land, People and Economy In Malaya*, London: Longmans, 1967.

<sup>2</sup> Charles, A. Fisher, *South East Asia: A Social, Economic And Political Geography*, London, 1952, hlm. 587.

<sup>3</sup> Luak ialah satu kawasan yang luas atau daerah yang ditadbir oleh Undang atau Penghulu.

<sup>4</sup> Adat Perpatih ialah satu sistem pentadbiran dan pemerintahan serta cara hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara yang dikawal oleh peraturan-peraturan dalam kehidupan seharian. (Abdul Samad Idris, *Kemurnian Dalam Adat Perpatih, Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih*, Seremban, 1974, hlm. 6.

Malahan wujud pelbagai tanggapan yang berbeza mengenai bilangan luak atau daerah di Negeri Sembilan. Menurut Nordin Selat, Negeri Sembilan terdiri daripada empat belas luak iaitu Seri Menanti, Tampin, Sungai Ujong, Jelebu, Johol, Rembau, Ulu Muar, Jempol, Terachi, Gunung Pasir, Inas, Gemencheh, Ayer Kuning dan Linggi.<sup>5</sup> Berdasarkan pendapat T.J. Newbold pula, Negeri Sembilan meliputi daerah-daerah seperti Segamat, Johol, Nanning, Sungai Ujong, Jelebu, Rembau, Kelang, Ulu Pahang dan Jelai.<sup>6</sup>

Manakala R.J. Wilkinson telah mengeluarkan Johol daripada senarai tersebut dan menggantikannya dengan Inas. Seterusnya J.E. Nathan dan R.O. Winstedt telah mengubah senarai tersebut kepada Sungai Ujong, Jelebu, Rembau, Nanning, Kelang Segamat, Pasir Besar (sekarang Johol), Jelai (sekarang Inas) dan Ulu Pahang (daerah antara Ulu Serting dan Temerloh).<sup>7</sup> Kewujudan pelbagai tafsiran mengenai bilangan daerah dalam gabungan Negeri Sembilan itu mungkin disebabkan tidak wujud satu sumber sejarah yang dapat menggambarkan dengan terperinci mengenai sejarah Negeri Sembilan.

Malahan boleh dikatakan sejarah Negeri Sembilan hanya mulai jelas selepas 1824. Sepanjang perkembangan sejarah dapat dikatakan Negeri Sembilan tidak pernah meliputi sembilan buah daerah secara keseluruhan.

---

<sup>5</sup> Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih*, Kuala Lumpur: Utusan Publication Distributor 1982, hlm. 55.

<sup>6</sup> T.J. Newbold, *British Settlements In The Straits of Malacca, Vol. II*, Singapore: Oxford University Press, 1971.

<sup>7</sup> J.E. Nathan and R.O. Winstedt, *Johol, Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir and Terachi: Their History and Constitution, Papers On Malay Subject*, London: Oxford University Press, 1971, hlm. 394.

Menjelang tahun 1898 ia terdiri daripada 13 buah daerah dan kini hanya tujuh buah daerah pentadbiran dan 14 buah luak. Daerah-daerah dalam pentadbiran meliputi Kuala Pilah, Jempol, Seremban, Jelebu, Rembau, Tampin dan Port Dickson. Manakala luak-luak terdiri dari Seri Menanti, Sungai Ujong, Jelebu, Johal, Rembau, Tampin, Inas, Ulu Muar, Terachi, Gunung Pasir, Jempol, Gemencheh, Ayer Kuning dan Linggi.<sup>8</sup> Pada pendapat R.J.Wilkinson;

*"There was no real ' confederancy'. The 'Nine States' were merely a congeries of small chieftaincies that had received recognition from the common suzerain, the Sultan of Johor".<sup>9</sup>*

Negeri Sembilan bergabung sebagai satu unit politik pada tahun 1773 apabila Raja Melewar, seorang putera dari Minangkabau di Pagar Ruyong dijemput menjadi pemerintah dengan gelaran Yam Tuan dan mengasaskan dinasti yang wujud sehingga kini. Walau bagaimanapun Negeri Sembilan berpecah buat seketika pada tahun 1869 akibat perebutan kuasa di antara Tunku Antah (putera Yamtuan Besar Raja Radin) dengan Tunku Tunggal (putera Yamtuan Besar Raja Imam atau Raja Ujong). Perebutan kuasa tersebut seterusnya menyebabkan berlakunya keadaan huru hara di Rembau.

---

<sup>8</sup> Taha Abdul Kadir, *Masyarakat, Adat Perpatih Kontemporari Negeri Sembilan dalam Menghadapi Perubahan Sosio-Ekonomi, Seminar Internasional Mengenai Kesusasteraan Kemasyarakatan dan Kebudayaan Minangkabau*, Bukit Tinggi, 1980.

<sup>9</sup> R.J.Wilkinson, *Notes On Negri Sembilan*,. *Papers On Malay Subject*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971, hlm. 290.

Pada lewat tahun 1872, apabila Datuk Penghulu Rembau meninggal dunia, dua orang calon telah bersaing untuk merebut jawatannya iaitu Haji Mustapha dan Datuk Haji Sahil. Perselisihan itu kemudian melibatkan Sungai Ujong kerana Haji Mustapha meminta bantuan Dato Kelana (namanya Sending). Haji Sahil juga bergaduh dengan Dato' Muda Linggi kerana Dato Muda Linggi cuba mengawal lalu lintas di Sungai Linggi.<sup>10</sup> Sungai Linggi merupakan jalan perhubungan ekonomi utama dan perantara di antara bahagian pedalaman dengan Melaka yang pada waktu itu adalah pusat perdagangan antarabangsa di Tanah Melayu.<sup>11</sup>

Walaupun usaha-usaha dijalankan oleh pembesar-pembesar Negeri Sembilan untuk mencantumkan semula negeri yang berpecah tersebut namun ia tidak mendatangkan sebarang kejayaan. Walau bagaimanapun proses menyatukan kembali Negeri Sembilan hanya bermula pada awal tahun 1880-an dan Frederick Weld (Gabenor Negeri-Negeri Selat yang baru) memainkan peranan utama ke arah penubuhan Negeri Sembilan sebagai sebuah unit politik.

Weld tiba di Singapura untuk menjawat jawatan sebagai Gabenor pada 6 Mei 1880.<sup>12</sup> Perebutan kuasa di antara Dato Klana dan Dato Bandar di Sungai Ujong membawa kepada keterlibatan British dalam arena politik Sungai Ujong. Setelah menyelesaikan masalah di Sungai Ujong, beliau memberi penekanan kepada wilayah-wilayah yang lain seperti Rembau dan Jelebu.

---

<sup>10</sup> Ibid, hlm. 171.

<sup>11</sup> Norhalim Haji Ibrahim, *Negeri Yang Sembilan, Daerah Kee// Pesaka Adat Warisan Kerajaan Berdaulat*, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti, 1995, hlm. 222.

<sup>12</sup> J.M. Gullick, 'The Tampin Succession', *JMBRAS*, No 230, Vol. 49 Part 11, 1976, him. 1.

Menjelang 8hb Ogos 1895 satu perjanjian ditandatangani di antara Gabenor Negeri-Negeri Selat dengan Yam Tuan Muhammad dan Undang Yang Empat serta Tunku Besar Tampin bagi menerima seorang Residen British sebagai penasihat mereka dan menempatkan negeri-negeri tersebut di bawah naungan Kerajaan British.<sup>13</sup>

Pada Julai 1889, Yam Tuan Besar Muhammad dengan pembesar-pembesar Johol (termasuk Gemencheh), Inas, Hulu Muar, Jempol, Gunung Pasing, Terachi, Rembau, Tampin (Sayid Hamid) secara rasmi meletakkan negeri-negeri mereka di bawah perlindungan British. Mereka juga bersetuju mewujudkan sebuah konfederasi yang akan dikenali dengan nama 'Negeri Sembilan'. Malahan melalui konfederasi tersebut mereka bersetuju menerima seorang Residen British sebagai penasihat mereka. Martin Lister dilantik sebagai Penasihat British di Negeri Sembilan.

Menjelang tahun 1889 hanya Sungai Ujong dan Jelebu tidak termasuk dalam konfederasi 1889. W.F.B. Paul dilantik sebagai penasihat British di Sungai Ujong (termasuk Jelebu). Hanya enam tahun kemudian apabila pihak British mengambil langkah untuk menubuhkan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu yang terdiri daripada Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan, barulah Sungai Ujong dan Jelebu dicantumkan dengan kawasan yang berada di bawah kewibawaan Yamtuan Besar Muhammad dan nama Negeri Sembilan dikekalkan.

---

<sup>13</sup> Abdul Samad Idris, *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad, Kuala Lumpur, 1968, hlm. 10.

## **ASAL-USUL NEGERI SEMBILAN**

Beberapa sejarawan berpendapat bahawa nama Negeri Sembilan mulai digunakan pada tahun 1773 iaitu setelah Raja Melewar dari Pagar Ruyong dirajakan di Negeri Sembilan. Dari bukti-bukti sejarah menunjukkan Negeri Sembilan telah mula dibuka dalam kurun yang keempat belas Masehi. Dari batu bersurat yang dijumpai di Sungai Udang, Linggi, Port Dickson, seorang bernama Sheikh Ahmad telah meninggal dunia pada tahun 1467. Berdasarkan batu nisan perkuburannya jelas menunjukkan bahawa beliau meninggal dunia ketika Sultan Mansor Shah memerintah di Melaka (semasa Kerajaan Melayu Melaka sedang meningkat kemashyurannya).<sup>14</sup>

Pada peringkat awal Negeri Sembilan bukan merupakan kesatuan Negeri Sembilan yang utuh seperti sekarang. Ketika itu Negeri Sembilan hanya merupakan beberapa buah daerah kecil yang terdiri daripada gabungan sembilan buah daerah yang mempunyai pembesar-pembesarnya sendiri. Pada masa tersebut Negeri Sembilan terdiri dari Sungai Ujong, Jelebu, Johol, Rembau, Jelai, Kelang, Nanning, Segamat dan Ulu Pahang.<sup>15</sup> Seterusnya dalam tahun 1780-an Belanda menawan Nanning, Bugis pula menguasai Kelang, Kerajaan Johor menduduki Segamat dan pemerintah Pahang menguasai Ulu Pahang.

---

<sup>14</sup> Ibid., hlm. 8.

<sup>15</sup> Ibid.

Menurut Abdul Samad Idris nama Negeri Sembilan bermula dari perkataan "Negeri" yang berasal dari perkataan "Nagati". "Adapun perkataan 'Negeri' yang di pangkal nama Negeri Sembilan adalah berasal dari perkataan orang-orang Minangkabau yang disebut menurut pelatnya 'Nagari' kerana Negeri Sembilan telah dibuka oleh orang-orang yang datang dari Minangkabau, maka tidak syak lagilah bahawa perkataan 'Negeri' di pangkal nama negeri itu adalah berasal dari perkataan Minangkabau juga".<sup>16</sup>

Menurut orang Minangkabau perkataan "Nagari" bermaksud kampung atau mukim yang terdiri daripada sebuah daerah kecil yang biasanya dikepalai oleh seorang ketua.<sup>17</sup> Pandangan ini tidak dipersetujui oleh Daniel Perret yang berpendapat istilah negeri berasal daripada perkataan Sanskrit iaitu 'nagara' yang telah mula digunakan dalam batu bersurat pada abad ke- 5 di daerah Sunda, Jawa Barat.

Beliau telah melakukan penelitian terhadap beberapa teks lama seperti *Sejarah Melayu, Hikayat Banjar, Hikayat Siak, Salasilah Melayu dan Bugis, Hikayat Merong Mahawangsa, Hikayat Hang Tuah, Misa Melayu, Tuhfat al-Nafis dan Hikayat Raja Pasai*. Hasilnya kesimpulan yang dibuat olehnya mengenai istilah negeri ialah;

*"tempat kediaman tetap dan cukup padat yang dibuka atas keputusan seorang yang mempunyai kuasa politik tertentu bagi dia dan rakyatnya".<sup>18</sup>*

---

<sup>16</sup> Ibid., hlm. 7.

<sup>17</sup> Ibid.

<sup>18</sup> Wan Hashim Wan Teh dan Daniel Perret, *Di Sekitar Konsep Negeri*, Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Kuala Lumpur, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999, hlm. XVIII.

Pendapat Perret turut disokong oleh R.J. Wilkinson yang berpendapat perkataan 'negeri' berasal dari bahasa Sanskrit yang membawa makna 'penempatan', 'bandar', atau 'negeri'.<sup>19</sup>

Walaupun wujud pelbagai tanggapan yang berbeza mengenai perkataan negeri itu sendiri namun apa yang dapat dikatakan ialah ia merupakan satu istilah dinamik yang mempunyai makna yang tersendiri sehingga kewujudannya dapat dikekalkan dan digunakan sehingga kini.

### **PENDUDUK AWAL NEGERI SEMBILAN**

Penduduk asal Negeri Sembilan ialah orang Biduanda yang disebut juga sebagai orang Biduanda tetapi mereka lebih dikenali sebagai orang Sakai di kalangan masyarakat Melayu Negeri Sembilan. Orang Sakai merupakan salah satu suku bangsa yang terawal berada di rantau ini dan menurut sejarah sekurang-kurangnya 20 tahun yang lalu.<sup>20</sup> Kepercayaan kewujudan penduduk asli Negeri Sembilan sebelum kedatangan orang-orang Minangkabau boleh digalurkan dengan nama-nama asal keturunan Penghulu-Penghulu Luak seperti Batin Bercanggai Besi, Batin Sibujaya dan To' Jenang Jelendong.

---

<sup>19</sup> R.J. Wilkinson, *A Malay-English Dictionary, Part II*, London: Macmillan and Co, 1959, hlm. 802.

<sup>20</sup> Rasjid Manggis, *Hubungan & Sejarah Negeri Sembilan ke Minangkabau, Seminar Sejarah dan Kebudayaan Minangkabau Padang*, 1970.



Gelaran Batin dan Jenang ini hanya terdapat dalam sistem sosial orang Asli di mana hingga sekarang mereka sememangnya mempunyai pertalian yang erat dengan salasilah keturunan Datuk-Datuk Undang dan Datuk-Datuk Lembaga di Negeri Sembilan. Mereka juga mempunyai persamaan dengan sukubangsa Semang di Kedah, Sakai di Perak dan Pengan di Pahang dan Kelantan. Orang Sakai ini hidup dengan memburu binatang dan mengumpul hasil-hasil hutan seperti buah-buahan. Ada juga di antara mereka yang bercucuk tanam dan berpindah randah dari satu tempat ke tempat yang lain.<sup>21</sup>

Malahan dalam sejarah Negeri Sembilan tercatat penduduk awalnya terdiri dari kelompok Sakai yang terdiri dari tiga suku iaitu Jakun, Besis dan Biduanda.<sup>22</sup> Ketiga suku ini dikatakan sebagai penduduk asli yang tinggal di kawasan hutan dan kawasan pedalaman dengan menjalani kehidupan primitif. Mereka, mendiami kawasan Jelevu, Kelang, Sungai Ujong dan Johol. Oleh itu keempat daerah tersebut juga dikenali sebagai negeri Sakai. Orang Sakai dikatakan telah mendiami kawasan tersebut sebelum abad ke-14. Kemungkinan besar kelompok Sakai ini merupakan sebahagian daripada penduduk Melayu Melaka yang merantau ke daerah tersebut.<sup>23</sup>

---

<sup>21</sup> Buyong Adil, *Sejarah Negeri Sembilan*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, hlm. 3.

<sup>22</sup> Tan Ding Eing, *A Portrait of Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur: Oxford University Press 1975, hlm. 108.

<sup>23</sup> Orang Sakai, Jakun dan Semang tersebut dikatakan datang dari Pulau Sumatera dan Gugusan Pulau-pulau Melayu yang lain. Mereka memudiki Sungai Muar hingga sampai ke Merbau Seratus. Di Jelevu mereka membuat kediaman di bukit-bukit dari Hulu Teriang hingga ke Gunung Hantu. Mereka juga dikenal dengan nama Biduanda.

Di samping penduduk yang berketurunan orang asli, masyarakat Negeri Sembilan juga terdiri daripada penghijrah Minangkabau. Kedatangan masyarakat Minangkabau telah membuka lembaran baru dalam sejarah Negeri Sembilan secara umumnya. Terdapat dua kumpulan penghijrah Minangkabau yang datang ke Negeri Sembilan. Penghijrah Minangkabau yang datang dari daerah pedalaman Sumatera mengamalkan sistem *Adat Perpatih* sementara kumpulan kedua datang dari daerah persisiran Sumatera dan mengamalkan *Adat Temenggung*.<sup>24</sup>

Apabila orang-orang Minangkabau datang meneroka ke wilayah tersebut maka dengan mudah mereka dapat mempengaruhi orang-orang asli ini dan berkahwin dengan mereka. Dari perkahwinan inilah asalnya suku yang dipanggil suku 'Biduanda'.<sup>25</sup> Menurut MB. Hooker;

*"Traditionally, there are twelve clans in Negri Sembilan though not all twelve are represented in each adat district in the state. The Biduanda or Waris clan is theoretically pre-eminent as representing original inhabitants of the land. The other eleven clans are immigrants from Sumatra and hold their land by purchase from Biduanda".*<sup>26</sup>

Di samping orang Minangkabau yang menduduki Negeri Sembilan, terdapat juga etnik-etnik lain yang menetap di Negeri Sembilan seperti orang Melayu. Mereka menempati daerah di sekitar lembah Sungai Linggi, Sungai Ujong dan Rembau. Memandangkan ketiga-tiga daerah ini terletak berdekatan dengan Melaka, boleh dikatakan orang Melayu yang menduduki kawasan tersebut merupakan penduduk.

---

<sup>24</sup> A Newbold T.J., *British Settlement In The Straits Of Malacca*, Vol. I I, London: Oxford University Press, 1971, hlm. 75.

<sup>25</sup> Abdul Samad Idris, hlm. 8.

<sup>26</sup> Ibrahim Abdullah, *Struktur Suku di Rembau: Negeri Sembilan, Dahulu dan Sekarang* (ed) Norazit Selat, Persatuan Muzium Malaysia 1990, hlm. 55.

## **KERAJAAN MELAYU MELAKA YANG MELARIKAN DIRI SETELAH MELAKA DITAWAN OLEH PORTUGIS PADA TAHUN 1511.<sup>27</sup>**

Kebanyakan orang Melayu Melaka berasal dari Palembang dan Riau yang berhijrah ke Melaka sewaktu zaman keagungan Kesultanan Melayu Melaka 1403 -1511.<sup>28</sup> Terdapat juga orang-orang Rawa yang kemungkinan besar datang dari Sumatera dan berpindah ke Selangor dan Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun peranan masyarakat Rawa dalam bidang politik, sosial, ekonomi kurang jelas.

Terdapat satu lagi kaum yang turut memainkan peranan penting dalam perkembangan sejarah Negeri Sembilan iaitu orang Cina. Mereka berhijrah secara beramai-ramai ke Negeri Sembilan mulai tahun 1850'an. Mereka menyebarkan ke kawasan-kawasan seperti Sungai Ujong, Kelang dan Kinta. Kawasan - kawasan ini merupakan kawasan perlombongan timah yang utama di Tanah Melayu. Menjelang tahun 1874, di Negeri Sembilan terdapat sebanyak 15,000 pelombong-pelombong Cina yang bekerja di lombong-lombong bijih timah di Sungai Ujong.<sup>29</sup> Malahan

*"..... Chinese miners had been encouraged to come and work in the tin fields of Rasah as early as 1825 and in 1828 they numbered nearly a thousand."<sup>30</sup>*

---

<sup>27</sup> Kegagalan Kerajaan Melayu Melaka mempertahankan kedaulatannya oleh serangan Portugis pada tahun 1511 membawa ke arah kehancuran negeri Melaka. Sultan Mahmud Shah telah berundur dari Melaka ke Pahang dan berpindah sekali lagi ke Bintan dan seterusnya berundur ke Kampar dan mangkat di situ pada 1528.

<sup>21</sup> Yusof Ibrahim, *Berapa Aspek Sejarah Kemasyarakatannya*, Seminar Sejarah Melaka, Melaka, 1976, hlm. 81. .

<sup>29</sup> Ooi Jin Bee, hlm. 109.

<sup>30</sup> Mubin Sheppard, *A Short History Of Negri Sembilan*, Malayan Historical Series, Singapore: Eastern Universities Press Ltd., 1965, hlm. 43.

## PENGIJRAHAN MASYARAKAT MINANGKABAU KE NEGERI SEMBILAN

Sejarah Semenanjung Tanah Melayu mulai dari tahun-tahun akhir abad ke 17 dan awal abad ke 18 telah memperlihatkan kemasukan satu elemen baru iaitu orang Minangkabau. Dalam tempoh masa yang begitu singkat mereka telah berjaya merombak tradisi diraja Melayu yang sebelum itu dikatakan sebagai mempunyai titisan darah dari Palembang khususnya dari Bukit Si Guntang Mahameru.

Dalam perkembangan sejarah Tanah Melayu pada tahun-tahun berikutnya mereka telah memainkan peranan yang aktif dan penting dalam pergolakan siasah yang berlaku di negeri-negeri Melayu di sekitar Selat Melaka. Sewaktu kelemahan kepemimpinan Melayu setempat akibat pemusuhan sesama sendiri yang ditambah pula oleh tekanan daripada pihak Bugis, orang Minangkabau telah mengambil kesempatan untuk menjadi 'pembela' dan 'wira' kepada pihak-pihak tertentu.

Akhirnya mereka telah berjaya meresapkan pengaruh ke dalam struktur dan organisasi kepemimpinan kerajaan Melayu khususnya di Negeri Sembilan. Mengikut Dahlan Mansoer;

*"Kedatangan orang-orang Minangkabau ke Negeri Sembilan khususnya ke Semenanjung amnya adalah satu proses sejarah yang berlangsung selama berbilang abad". Kedatangan yang berperingkat-peringkat ini juga menyebabkan terdapatnya pecahan suku yang sama tetapi tinggal di kawasan yang berlainan".* <sup>31</sup>

---

<sup>31</sup> Ibrahim Abdullah, *Struktur Suku di Rembau: Negeri Sembilan Dahulu dan Sekarang* (ed) Norazit Selat, Persatuan Muzium Malaysia 1990, hlm. 56.

Nama bagi suku-suku yang mendatang itu adalah mengambil sempena nama tempat asal mereka di Minangkabau. Misalnya suku Paya Kumbuh adalah dari Paya Kumbuh, begitu juga Tanah Datar, Sri Melenggang dan lain-lain. Menurut R.J.Wilkinson;

*"the colonist from Minangkabau came to the Peninsula from various Sumatran district: from Payakombo, from Sri Lemak, from Sri Melenggang, from Batu Hampar, from Batu Balang, from Mungkal, from Tanah Datar, from Tiga Nenek and from Tiga Batu".<sup>32</sup>*

Negeri Sembilan diduduki oleh orang Minangkabau di antara abad ke 15 dan 16. Mereka berasal dari Sumatera Barat yang berhijrah ke wilayah ini sewaktu Kesultanan Melayu di Melaka. Malahan menurut seorang Portugis, Godinho d'Eredia. yang menulis pada tahun 1613, penduduk Nanning pada masa tersebut terdiri daripada orang Minangkabau. Ramai di antara mereka biasa menjual pinang kotai di Melaka.

Kemunculan orang Minangkabau ke Negeri Sembilan terutama di daerah-daerah pedalaman seperti daerah Jelebu, Rembau, Kuala Pilah, Johol dan Sri Menanti membawa kepada perkahwinan campur di antara masyarakat tempatan dengan orang Minangkabau<sup>33</sup> tersebut. Ini telah membawa kepada perubahan dalam sistem sosio-politik masyarakat tempatan.

---

<sup>11</sup> R.J. Wilkinson, Notes on Negeri Sembilan, Papers on Malay Subject, Kuala Lumpur: Oxford University Press 1971 hlm. 315.

<sup>33</sup> Minangkabau ialah nama bagi negeri, penduduk dan bahasanya. Panggilan yang sering digunakan untuk orang Minangkabau ialah Minang.

Masyarakat Minangkabau yang datang ke Negeri Sembilan adalah dari Pagar Ruyung, Sungai Tarap dan Semanik.<sup>34</sup> Malahan;

*"Kedatangan mereka ada yang naik dari Sungai Linggi, Malaka dan Kelang. Mereka yang naik melalui kuala Sungai Linggi itulah yang mendiami daerah-daerah Rembau dan Sungai Ujong dan Seri Menanti, yang naik melalui Malaka banyak tinggal di Nanning, Johol dan sebahagian dalam daerah Kuala Pilah."*<sup>35</sup>

Kedatangan orang Minangkabau ke Negeri Sembilan berlaku sewaktu Melaka dikuasai oleh Portugis. Mereka memilih Sungai Ujong sebagai jalan masuk ke kawasan-kawasan persekitaran kerana berlaku kekosongan kuasa di Sungai Ujong setelah Melaka dikuasai oleh Portugis. Mereka mendiami daerah Sungai Ujong, Rembau, Nanning, Inas dan Jempol.

Semasa pemerintahan Raja-Raja Melayu Melaka dikatakan daerah-daerah di kawasan pedalaman Negeri Sembilan berada di bawah jajahan kerajaan Melayu Melaka. Penawanan Melaka oleh Portugis dalam tahun 1511 menyebabkan Kesultanan Melayu Melaka berpindah ke Johor.

Penduduk Negeri Sembilan seterusnya menumpukan taat setia mereka ke Johor. Maharaja Johor telah mengarahkan seorang penduduk yang bernama Raja Khatib<sup>36</sup> ke Negeri Sembilan. Raja Khatib tiba di Jelebu dan menyeru orang-orang yang hidup dalam kejahilan memeluk agama Islam. Di antara orang Biduanda yang menyahut seruan Raja Khatib dan memeluk agama Islam ialah Moyang Angsa, Waris Biduanda di tempat itu. Seterusnya Raja Khatib telah meninggalkan tempat tersebut dan tidak diketahui ke mana pemergiannya.

---

<sup>34</sup> Abdul Samad Idris, op. cit, hlm. 9

<sup>35</sup> Ibid.

<sup>36</sup> Raja Khatib juga dikenali sebagai Datuk Gambuh yang dihantar untuk mengIslamkan penduduk dalam kawasan pedalaman Negeri Sembilan.

Dengan ini dapat dikatakan masyarakat asal di Negeri Sembilan terdiri daripada dua pihak iaitu Biduanda Asli yang dikenali sebagai Biduanda Sasilah. Manakala pihak yang kedua terdiri daripada orang Biduanda yang telah berkahwin dengan orang Minangkabau dan dikenali sebagai Biduanda Waris.<sup>37</sup>

Dari segi sejarah ini dengan jelas menunjukkan bahawa ramai orang Minangkabau telah merantau meninggalkan tanah air mereka sejak beratus-ratus tahun yang lalu. Mengikut Mochtar Naim amalan sistem matrilineal di kalangan masyarakat Minangkabau adalah faktor utama yang membawa kepada penghijrahan mereka ke daerah-daerah lain.<sup>38</sup>

Mochtar Naim memberi definisi merantau sebagai satu bentuk penghijrahan dikalangan penduduk Minangkabau dari bahagian tengah Sumatera ke kawasan-kawasan di luar tanah air mereka. Tujuan mereka meninggalkan kampung halaman ialah untuk mencari kekayaan, pengetahuan dan pengalaman serta mempunyai hasrat pulang ke tanah air mereka setelah matlamat mereka dicapai.<sup>39</sup>

---

<sup>37</sup> Haji Buyong Adil, *Sejarah Negeri Sembilan*, .Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustakca 1981, hlm. 15.

<sup>31</sup> Mochtar Naim, *Merantau: Pola Migrasi Suku Minangkabau*, Gadjja Mada Universiti Press, Yogyakarta: 1979, hlm. 59.

<sup>39</sup> Mochtar Naim, *Merantau: Minangkabau Voluntary Migration*, Ph.D. Disertation, Singapore, 1973, hlm. 4.

Di samping itu terdapat beberapa faktor yang mendorong kemasukan orang Minangkabau ke Negeri Sembilan. Di antaranya ialah sifat semulajadi mereka yang suka merantau. Berlakunya perang saudara yang memecahkan alam Minangkabau pada abad 17 dan juga suasana politik dan keadaan ekonomi di daerah seberang Selat Melaka yang lebih baik dari negeri Minangkabau sendiri di Sumatera.<sup>40</sup>

Setiap ahli masyarakat Minangkabau khususnya lelaki muda sentiasa digalakkan dan disuruh agar pergi ke rantau oleh kawn kerabatnya. Ini mendorong anak muda khususnya lelaki agar berusaha mencari kekayaan dengan tujuan memperkukuhkan martabat kaum kerabat agar setaraf dengan orang lain.<sup>41</sup>

D.J.M. Tate mengemukakan perkembangan negeri Melaka sejak pertengahan abad ke 15 telah mengakibatkan perpindahan orang Minangkabau buat pertama kalinya dalam skala yang besar.<sup>42</sup> Selain itu struktur sosial Minangkabau juga mendorong setiap orang untuk pergi merantau. Seorang lelaki muda yang belum berkahwin dalam masyarakat Minangkabau, namanya tidak berapa dikenali. Sebagai seorang bujang, status sosialnya adalah rendah. Bagi membebaskan dirinya daripada kedudukan ini mereka pergi merantau.<sup>43</sup>

---

<sup>40</sup>. Mohd Sharif Fakeh, *Sejarah Kedatangan Adat Perpatih dan Kaitannya di Minangkabau*, Kertas Kerja Seminar, 1974.

<sup>41</sup>. Norhalim Haji Ibrahim, *Adat Perpatih, Perbezaan dan Persamaannya Dengan Adat Temenggung*, Kuala Lumpur : Fajar Bakti, 1993, hlm. 75.

<sup>42</sup>. Tate D.J.M., *The Making of Modern South East Asia*, Vol. I, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971.

<sup>43</sup>. *Ibid.*, hlm. 76.



Pelbagai pendapat telah diutarakan oleh para sejarawann mengenai tarikh kedatangan masyarakat Minangkabau ke Negeri Sembilan. Seorang sejarawann iaitu T.J. Newbold berpendapat penghijrahan orang-orang Minangkabau ke Tanah Melayu berlaku dalam abad ke 12. Kumpulan pertama tersebut diketuai oleh Tu Pattair yang mula-mula sampai di Melaka seterusnya mudik ke Sungai Melaka dan tiba di suatu tempat bernama Tabo (Tabuh Naning). Beliau seterusnya berkahwin dengan seorang gadis Jakun serta menetap di situ sehingga terbentuk sebuah perkampungan Minangkabau yang pertama di Tanah Melayu.

Manakala R.J. Wilkinson berpendapat bahawa penghijrahan masyarakat Minangkabau ke Tanah Melayu berlaku tidak berapa lama selepas kejatuhan Kesultanan Melaka ke tangan Portugis dalam tahun 1511.<sup>44</sup> Tetapi menurut Buyong Adil kedatangan orang Minangkabau ke Negeri Sembilan berlaku sekitar kurun ke15.<sup>45</sup> Ini berdasarkan kewujudan sebuah makam di Sungai Udang, Linggi yang dikatakan makam seorang yang bernama Sheikh Ahmad.

Bentuk serta tulisan yang tertera pada batu nesan itu menyerupai batu bersurat di Batu Sangkar dan Pagar Ruyong di Sumatera. <sup>46</sup> Dengan demikian terdapat petunjuk bahawa Almarhum Sheikh Ahmad berasal dari Minangkabau. Sheikh Ahmad itu dipercayai seorang Minangkabau yang telah merintis jalan untuk kedatangan orang-orang Minangkabau ke Negeri Sembilan khususnya dan Semenanjung Tanah Melayu umumnya.

---

<sup>44</sup> Wilkinson, hlm. .289.

<sup>45</sup> Buyong Adil, *Sejarah Negeri Sembilan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981.

<sup>46</sup> Mohd Dahlan Maruoer, *Minangkabau dan Negeri Sembilan, Tinjauan Kaitan Sejarah dan Kebudayaan, Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih.*, Seremban, 1974, hlm. 2.

Dari batu nisan tersebut menunjukkan Sheikh Ahmad meninggal dunia pada tahun Masehi 1467 ketika Sultan Mansur Shah memerintah Melaka (1459-1477). Walaupun perkataan 'Sheikh' di awal namanya boleh menimbulkan tandatanya sama ada beliau seorang Minangkabau atau seorang Arab yang datang menyebarkan Islam namun apa yang jelas ialah rombongan Sheikh Ahmad tersebut telah datang beberapa tahun sebelum 1467.

Dengan ini boleh dikatakan kedatangan masyarakat Minangkabau ke Negeri Sembilan adalah melalui Melaka yang pada ketika itu merupakan sebuah pengkalan dan pelabuhan yang terkemuka di Nusantara. Dari segi sejarah ini dengan jelas menunjukkan bahawa ramai orang Minangkabau telah merantau meninggalkan tanah air mereka sejak beratus-ratus tahun yang lalu. Tidak seperti di Minangkabau Sumatera di mana terdapat hanya empat suku, di Negeri Sembilan wujud 12 suku iaitu Biduanda atau Waris, Paya Kumbuh, Mungkal, Batu Hampar, Tiga Nenek, Seri Melenggang, Seri Lemak, Batu Belang, Tanah Datar, Anak Aceh, Anak Melaka dan Tiga Batu.<sup>47</sup>

Tetapi berlainan pula dengan Khoo Kay Kim yang berpendapat penghijrahan orang Minangkabau ke kawasan yang dikenali sebagai Negeri Sembilan mula berlaku sejak awal lagi iaitu sewaktu kemunculan Kerajaan Melaka.<sup>48</sup>

---

<sup>47</sup> Khoo Kay Kim, *Negeri-Negeri Melayu Pantai Barat 11850 -1873: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1984, hlm. 16.

<sup>48</sup> Khoo Kay Kim, *Adat dan Perkembangan Politik: Pembangunan Masyarakat Negeri Sembilan: Negeri Sembilan : Gemuk Dipupuk ,Segar Bersiram*, Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan, Seremban. 1994, hlm. 4.

Boleh dikatakan kedatangan mereka tidak serentak tetapi berperingkat-peringkat dengan rombongan masing-masing melalui Sungai Linggi dan anak-anak sungai lain di persisiran Selat Melaka lalu masuk ke daerah-daerah pendalaman.<sup>49</sup>

Selain daripada Wilkinson, beberapa sejarawan lain turut mengatakan bahawa tarikh kedatangan penghijrah-penghijrah Minangkabau ke Negeri Sembilan adalah selari dengan tarikh kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka. Di antaranya ialah J. M. Gullick dan Winstedt. Satu perkara yang jelas ialah penghijrah-penghijrah ini telah menyesuaikan diri dengan orang Sakai lalu diperakui dalam perlembagaan Adat Perpatih bahawa keturunan Sakai iaitu Biduanda Waris<sup>50</sup> berhak untuk menyandang jawatan Penghulu Luak atau Undang.

Dalam tahun 1639 keadaan mula berubah. Laksamana Belanda iaitu Van de Veer telah membuat treati dengan Sultan Abdul Jalil II dari Johor untuk bekerjasama membuat kepungan ke atas Portugis di Melaka. Walaupun bantuan tersebut tidak membawa sebarang kejayaan namun kepungan tersebut telah membuktikan telah wujud hubungan yang lebih erat dengan orang-orang Minangkabau.

*" ... from this date the Johor Government began to possess a much stronger hold over the Malay settlements in the Negeri Sembilan".<sup>51</sup>*

---

<sup>49</sup> Ibrahim Mustapa, *Sejarah Ringkas Kedatangan Orang-orang Minangkabau dan Adat Pepati ke Negeri Sembilan*, dalam Warisan hlm. 22

<sup>50</sup> Biduanda Waris adalah generasii yang berasal dari Sakai yang telah memeluk agama Islam atau generasi yang dihasilkan dari perkahwinan penghijrah dengan perempuan Sakai.

<sup>51</sup> R.J. Wilkinson, hlm. 289.

Dengan ini dapat dianggap pemerintahan Sultan Abdul Jalil II menandakan pemulaan satu era baru dalam sejarah Minangkabau. Menjelang 1643 pihak Belanda di Melaka telah mengakui buat pertama kalinya kewujudan Negeri Sembilan dengan mengitiraf Dato' Seri Lela Merah sebagai pemerintah Naning.<sup>52</sup> Seterusnya dalam tahun 1705 pemerintah Naning telah menerima pengiktirafan tertentu dari Sultan Johor iaitu Abdul Jalil III dan juga dari pihak Belanda. Menjelang tahun 1707 pula pemerintah kedua Rembau turut menerima cap mohor dan gelaran dari kerajaan Johor iaitu daripada Bendahara Sri Maharaja.

Perkembangan sejarah Tanah Melayu seterusnya memperlihatkan pembunuhan Sultan Mahmud II, pemerintah terakhir dari Kesultanan Melaka dalam tahun 1699 di Kota Tinggi. Baginda digantikan dengan Bendahara yang memakai gelaran Abdul Jalil IV. Pada tahun 1718 Raja Kechil dari Sumatera muncul di Riau dan mendakwa dirinya sebagai putera Mahmud yang dibunuh dalam tahun 1699.<sup>53</sup> Raja Kechil telah memakai gelaran Abdul Jalil IV. Bagi menentang Raja Kechil, anak-anak lelaki Abdul Jalil III telah meminta bantuan daripada Bugis dan berjaya menewaskan Raja Kechil.

Abad ke 18 sering disebut sebagai 'zaman Bugis' dalam sejarah Tanah Melayu. Mereka meninggalkan tanahair mereka di Sulawesi Selatan disebabkan perang saudara yang berlaku di sana.

---

<sup>52</sup> Wilkinson, op. cit

<sup>53</sup> Barbara Watson Andaya & Leonard Y. Andaya, *Sejarah Malaysia*, Petaling Jaya: Macmillan Publisher, 1983, hlm. 94.

Sepanjang penghujung abad ke 17 beberapa buah petempatan orang Bugis telah muncul di persisiran pantai barat Semenanjung di bawah taklukan Johor iaitu Selangor, Linggi dan Kelang.<sup>54</sup>

Bagi jangkamasa 25 tahun yang berikutnya berlaku perang saudara di antara Bugis dengan Melayu Sumatera. Dalam perang saudara yang panjang ini Negeri Sembilan telah mengiktiraf Raja Kechil dan menentang Bugis. Ini disebabkan Raja Kechil adalah dari Sumatera. Tetapi tindakan mereka membawa kepada permusuhan dengan Bugis. Mengikut Wilkinson pada masa yang sama kerajaan Johor mulai lemah akibat diserang oleh musuh dari pelbagai arah seperti Jambi, Minangkabau, Aceh dan kuasa Eropah di Melaka. Ini menyebabkan Negeri Sembilan jatuh ke tangan Bugis.<sup>55</sup>

Lama kelaman keadaan menjadi semakin sengsara. Sedikit demi sedikit peneroka Minangkabau kehilangan segala yang mereka miliki dan terpaksa mengorbankan segala yang mereka miliki. Malahan Sultan Johor sendiri tidak terdaya untuk menahan ancaman Bugis, baginda sendiri lemah dan dikelilingi oleh musuh. Sementara itu orang-orang Bugis terus mengukuhkan kedudukan mereka di Johor dengan tidak memberi ruang kepada Sultan Johor untuk merampas semula kuasa pemerintahan.

---

<sup>54</sup> Ibid.

<sup>55</sup> H R.J.Wilkinson, hlm. 294.

Boleh dikatakan sejarah Negeri Sembilan menjadi lebih jelas mulai kurun ke 19. Pada masa tersebut telah menjadi suatu kebiasaan di kalangan datuk-datuk penghulu menjemput seorang putera dari Pagar Ruyung untuk memerintah Negeri Sembilan setelah Yang Di Pertuan mangkat.<sup>56</sup> Sebelum Raja Melewar menjadi raja, Negeri Sembilan berada di bawah naungan Sultan Johor. Oleh kerana Johor dalam keadaan huru-hara, diserang oleh orang-orang Portugis yang datang dari Melaka dan juga diserang oleh orang-orang Aceh dan Bugis maka Sultan Johor tidak berupaya mengamankan luak-luak yang berada di bawah naungan Negeri Sembilan itu.

Ini ditambah dengan kekejaman orang-orang Bugis yang diketuai oleh Daeng Kemboja yang membuat huru-hara di Negeri Sembilan dan memaksa orang-orang Negeri Sembilan supaya mengakui mereka sebagai raja.<sup>57</sup> Menjelang tahun 1773 Sultan Johor tidak dapat lagi menunaikan kewajipannya sebagai penaung kepada Kerajaan-kerajaan Adat Datuk-Datuk Undang tersebut, sedangkan kerajaan-kerajaan kecil itu sentiasa menerima ancaman di perairan Selat Melaka.<sup>58</sup> Keadaan ini menyebabkan Sultan Johor tidak mampu mengawasi wilayah-wilayah Negeri Sembilan.

Dalam keadaan dilema ini, Penghulu-Penghulu Minangkabau di Negeri Sembilan mengadakan mesyuarat dan mencapai persetujuan yang kemudiannya mempersembahkan kepada Sultan mengenai penindasan Bugis dan meminta baginda membenarkan mereka untuk mendapatkan seorang putera bagi tujuan memerintah negeri dan mengusir musuh.

---

<sup>56</sup> Ibid. hlm. 5

<sup>57</sup> Abdul Samad Idris, hlm. 20.

<sup>58</sup> Mohd Sharif bin Fakeb Hassan, *Seminar Kedatangan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan dan Kaitanya di Minangkabau*, Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Seremban, 1974, hlm. 4.

Tetapi Sultan tidak dapat memeruntukkan seorang putera untuk mereka. Ini menyebabkan mereka meminta kebenaran untuk merujuk ke Minangkabau di Sumatera bagi mendapatkan seorang putera yang dapat memimpin mereka dalam segala aspek.

Keinginan masyarakat Minangkabau ini telah diizinkan oleh Sultan Abdul Jalil ibni Bendahara Tun Habib, Sultan Johor ketika itu. Setelah putus hubungan dengan Johor, timbul hasrat orang-orang Negeri Sembilan yang berasal dari Minangkabau untuk menjemput seorang dari anak-anak raja di Pagar Ruyong untuk dirajakan di Negeri Sembilan.<sup>59</sup>

Satu perutusan pemegang-pemegang adat dari Negeri Sembilan telah menuju ke Pagar Ruyong di antara tahun 1760-1770 bagi mendapatkan seorang raja. Mereka melantik Panglima Bandan dan Panglima Bandot sebagai wakil untuk pergi ke Minangkabau bagi menjemput seorang Raja yang berketurunan Pagar Ruyong. Sultan Abdul Jalil yang merupakan Sultan Pagar Ruyong pada ketika itu telah memperkenalkan putera baginda sendiri, Raja Mahmud untuk menjadi Raja di Negeri Sembilan.<sup>60</sup>

---

<sup>59</sup> Ibid, hlm. 29.

<sup>60</sup> Raja Mahmud juga dikenali sebagai Raja Melewar. Gelaran ini diberi kerana semasa kedatangannya baginda suka melawat atau melewar-lewar ke beberapa tempat seperti Siak Inderaputera, Johor, Melaka sebelum tiba di Negeri Sembilan (Abdul Samad Idris, *Hubungan Minangkabau Dengan Negeri Sembilan Dari Segi Sejarah dan Kebudayaan*, Pustaka Asas Negeri, 1970, hlm. 23.)

Kesultanan Pagar Ruyong telah menghantar seorang pembesar dari Minangkabau bernama Raja Khatib pergi terlebih dahulu ke Negeri Sembilan untuk membuat persediaan bagi menerima kedatangan seorang anak raja Minangkabau yang bernama Raja Melewar yang akan dirajakan di Negeri Sembilan.<sup>61</sup>

Menurut H.A. Brien;

*"The place where the election of this Raja occurred was Petajeh and hence arises the old Malay saying "The source of royal power is Petajeh : the place where it dwells is Seri Menanti".<sup>62</sup>*

Dalam Aturan Sungai Ujong menunjukkan Sultan yang memberi persetujuan ialah Sultan Abdul Jalil IV. Ini berlaku dalam tahun 1717. Raja Melewar telah dipilih sebagai calon yang sesuai dan ditempatkan di atas takhta lebih kurang dalam tahun 1773. Tetapi Aturan Sungai Ujong turut menyatakan bahawa Raja Melewar bukan merupakan putera Minangkabau yang pertama dari Sumatera ke Negeri Sembilan. Kesultanan Minangkabau telah mengutus Raja Kasah ke Negeri Sembilan terlebih awal dan baginda disambut baik oleh keempat-empat penghulu tetapi baginda tidak berjaya untuk memperkenalkan adat Minangkabau di Negeri Sembilan seperti yang dikehendaki oleh datuk-datuk penghulu tersebut. Selepas Raja Kasah, Raja Adil pula dihantar ke Negeri Sembilan. Baginda juga tidak berupaya untuk mempraktikkan susunan adat di negeri tersebut.

---

<sup>61</sup> Buyung Adil, hlm. 44.

<sup>62</sup> H.A. O'Brien, Jebebu, *JSBRAS*, No 14, December 1884, hlm. 42.



Setelah Raja Adil kembali ke Minangkabau dan Raja Khatib pula dihantar ke Negeri Sembilan. Baginda juga tidak tahu bagaimana untuk memperkenalkan adat baru di negeri tersebut. Ini menimbulkan perasaan kehairanan di kalangan datuk-datuk penghulu tersebut lalu berkata;

*"the Raja of Minangkabau promised he would grant us a Raja who would establish his laws in the four countries. Now we have had three Rajas who have done nothing at all"*<sup>63</sup>

Selepas pemergian Raja Khatib barulah Raja Melewar tiba di Negeri Sembilan. Raja Melewar dilantik sebagai pemerintah Negeri Sembilan oleh empat orang Undang di Penajis, Rembau dalam tahun 1773.

Menurut Wilkinson;

*"there is no doubt that Raja Melewar did secure for himself recognition as Yamtuan of Negeri Sembilan that he created the modern Johol and that the constitution of Negeri Sembilan represents the outcome of his policy".*<sup>64</sup>

Berdasarkan sumber Belanda di Melaka pula ada menyebut dalam tahun 1722 terdapat seorang putera Sultan Minangkabau di Rembau yang melengkapkan penduduk bagi menentang Bugis. Kemungkinan ini adalah Raja Kasah.<sup>65</sup> Raja Adil tidak menentang musuh Bugis. Malahan beliau berkahwin dengan anak ketua Bugis. Pada tahun 1757 beliau mengendalikan tolak ansur di Melaka bagi pihak Rembau. Manakala Raja Khatib merupakan musuh Raja Melewar. Pendapat Wilkinson turut disokong oleh Mubin Sheppard yang berpendapat Raja Kasah merupakan putera pertama yang telah dipilih.<sup>66</sup>

---

<sup>63</sup> RJ. Wilkinson, h!m.295.

<sup>64</sup> Ibid., hlm. 296.

<sup>65</sup> Ibid.

<sup>66</sup> Mubin Sheppard, *A Short History Of Negri Sembilan*, Malayan Historical Series, Singapore: Eastern Universities Press Ltd, 1965, hlm. 43.

Perkembangan sejarah Negeri Sembilan dalam tahun 1773 memperlihatkan pemberian gelaran ketua bagi seorang raja yang bukan sahaja dipercayai malahan dimuliakan oleh mereka di samping menyelesaikan pertelingkahan di antara mereka tanpa sebarang campur tangan dalam kuasa tempatan. Perlantikan tersebut memberi Raja Melewar suatu kemuliaan, satu kedudukan yang terjamin di samping penerimaan pendapatan tertentu.<sup>67</sup>

Kemunculan Negeri Sembilan sebagai satu unit politik berkemungkinan berlaku dalam tahun 1773 apabila Raja Melewar seorang putera dari Minangkabau dijemput untuk menjadi pemerintah dan mengasaskan dinasti yang masih berkekalan di atas takhta.<sup>68</sup> Raja Melewar dikatakan seorang yang bijak dan cerdik kerana itulah baginda dikirim oleh ayahandanya untuk merajai Negeri Sembilan. Setelah Raja Melewar mendengar sembah dari Datuk-Datuk Penghulu yang hadir, satu fikiran terlintas dikepalanya lalu bertitah:

*"Orang-orang kaya sekalian, pada fikiran beta dengan  
nama baru negeri kita ini, apa kata kalau beta namakan ia  
'Negeri Sembilan' sempena dengan percantuman sembilan  
Pengkulu luak atau negeri yang menabalkan beta pada  
hari ini".<sup>69</sup>*

Cadangan yang dikemukakan oleh Raja Melewar diterima baik dan disokong sepenuhnya oleh Datuk-Datuk Penghulu Luak yang hadir. Dengan itu rasmlah nama Negeri Sembilan. Pada sekitar abad ke 17 (1646) penggunaan sembilan buah negeri untuk mengenal pasti kelompok rantau Minangkabau itu telah dibuat secara rasmi iaitu melalui perjanjian antara 'Kerajaan' Rembau (salah sebuah daripada wilayah tersebut) dengan Kerajaan Belanda.<sup>70</sup>

---

<sup>67</sup> Op.Cit., hlm. 297.

<sup>68</sup> M.G.Swift, *Malay Peasant Society In Jelebu*, New York: University of London, The Athlone Press, 1965, hlm. 10.

<sup>69</sup> Abdul Samad Idris, *Takhta Kerajaan Negeri Sembilan*, Kuala Lumpur; Utusan Printcorp, 1987, hlm. 41.

<sup>70</sup> Norhalim Haji Ibrahim, *Sunga Linggi: Pintu Gerbang Sejarah Pembangunan Negeri Sembilan*, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti 1998, hlm. 79.